

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Monday, November 25, 2019 1:15 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Teater Kanak-Kanak Kembang Potensi Diri



UUM Corporate Comm.  
**Universiti Utara Malaysia**

25 NOVEMBER 2019 / 28 RABIULAWAL 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Faizul Awang  
Gambar oleh: PBS

### TEATER KANAK-KANAK KEMBANG POTENSI DIRI



**UUM ONLINE:** Teater kanak-kanak arahan Nur Nadia Nabilla Khairi bukan sekadar hiburan semata-mata, tetapi sebuah karya yang penuh dengan mesej bermanfaat kepada penonton dengan pengisian lagu, tarian dan bakat lakonan si cilik yang diadakan di Dewan Budi Siswa, baru-baru ini.

Pementasan berdurasi selama dua jam itu diselangi nyanyian, tarian, dengan muzik latar, malah uniknya disini pementasan itu ditamatkan dengan sesi resolusi bersama pelajar praktikal Ijazah Sarjana Muda Kaunseling iaitu 'Jom Melukis'.

Nadia Nabilla berkata, teater itu menggabungkan tiga kemahiran iaitu nyanyian, lakonan dan tarian yang bertujuan untuk merangsang dan menggalakkan murid berkomunikasi dan berfikir secara kritis serta kreatif, seterusnya membantu dalam pengembangan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid.

Menurutnya, pementasan tersebut merupakan projek akhir pelajar praktikal Pusat Budaya dan Seni, selaras dengan cadangan Pengarah Pusat Budaya dan Seni (PBS), Huzaidy Hussain untuk memberi kelainan kepada masyarakat Universiti Utara Malaysia.

“Dalam menjayakan pementasan ini, tidak terlepas mengharungi iaitu untuk meyakinkan pihak luar bahawa teater tersebut bukan teater biasa yang dipentaskan di Dewan Budi Siswa, tetapi sebuah teater yang mencapai standard pementasan di Istana Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

“Selain itu, pementasan ini juga merupakan projek sulung PBS yang melibatkan kolaborasi bersama Sekolah Kebangsaan Dato’ Wan Kemara,” katanya.

Mengulas tentang kualiti persembahan teater yang dipersembahkan, pujian wajar diberikan kepada pemegang watak utama, Achmad Dziqry Zidane Achmad Dzariean dan Ammara Dheazara Ariff Shukri yang memegang watak sebagai Ijan dan Ani.

Pelakon cilik yang baru berusia 7 tahun ini berjaya melakonkan watak yang dipegang sebaik mungkin dengan persembahan santai, lontaran suara yang lantang, serta lenggok tari dan seni lakonnya yang adakalanya melucukan menjadi kekuatan utama kepada persembahan tersebut.

Setiap kali muncul di pentas, aksi Ijan dan Ani bersama haiwan sentiasa meraih tawa penonton, ditambah pula dengan penghayatan watak serta mimik wajah yang ditonjolkan. Ternyata, murid-murid Sekolah Kebangsaan Dato’ Wan Kemara sungguh berbakat.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.